

*Tan Sri  
Zaleha  
Ismail*



*Aspirasi & Perjuangan*

ROKIAH TALIB & NIK SAFIAH KARIM

---

# TAN SRI ZALEHA ISMAIL

## *Aspirasi dan Perjuangan*

---

Tan Sri Zaleha Ismail : Aspirasi dan Perjuangan merupakan buku keempat dalam siri biografi ‘wanita menulis mengenai wanita’ yang diusahakan bersama oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim dan Dr. Rokiah Talib sebagai penghargaan dan rakaman sumbangan pemimpin wanita kepada proses pembangunan negara. Buku pertama ialah Ibu Enjah Ibu Mithali (2001), diikuti oleh Tan Sri Fatimah - Potret Seorang Pemimpin (2003) dan Wan Mas Ibrahim : Ibu Mithali Kedua (2004). Selain itu, mereka berdua bersama-sama tiga orang lain dalam Persatuan Siswazah Wanita Malaysia telah menghasilkan buku Siti Hasmah : Citra Wanita Dua Zaman (1999).

Tan Sri Zaleha Ismail : Aspirasi dan Perjuangan memberi fokus kepada inspirasi dan perjuangan Tan Sri Zaleha Ismail dalam arena politik dan NGO. Beliau berkecimpung dalam arena politik selama 36 tahun dan, dalam bidang NGO, penglibatannya masih berterusan hingga sekarang. Dalam kedua-dua bidang ini, penyertaan Tan Sri Zaleha sungguh panjang dan berwarna-warni. Penglibatan beliau dalam kedua-dua bidang ini dilakukan secara serentak, seolah-olah yang satu dikelek dan yang satu lagi dikendung. Kesejarahan penglibatan dalam dua bidang ini dapat dicerminkan dalam cara beliau menjalankan tugas politiknya yang banyak mirip kepada cara NGO, iaitu berkhidmat dengan sukarela. Tetapi penerapan sebaliknya tidak berlaku, dengan erti kata beliau tidak mengendalikan NGO ala politik seperti amalan merebut kuasa atau tindas-menindas yang lumrah dalam bidang politik.

Buku ini mengandungi lima bab. Bab pertama memberikan latar belakang zaman kanak-kanak dan persekolahan serta keluarganya. Tiga bab seterusnya menghuraikan pergolakan dan pergelutan Tan Sri Zaleha dalam dunia politik, daripada saat beliau menyertai pergerakan Kaum Ibu UMNO hingga bersara sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Bab akhir mengisahkan penglibatan beliau dalam NGO, yang juga berwarna-warni disebabkan kepelbagai dan kegigihan penyertaannya, sama ada dalam pergerakan wanita, kanak-kanak, mahupun belia, sukan dan kebajikan masyarakat. Sesungguhnya buku ini bukan semata-mata catatan pengalaman seorang individu tetapi, lebih-lebih lagi, coretan pengalaman seorang wanita yang luart biasa.



مُنْتَرِي بَسَرْ سَلَانْجُور

MENTERI BESAR SELANGOR

## SEKAPUR SIRIH

Saya mengalu-alukan penerbitan buku *Tan Sri Zaleha – Aspirasi dan Perjuangan*, sebuah biografi anak Selangor yang banyak jasa baktinya kepada Negeri dan Negara. Sebagai mantan Menteri Kabinet Persekutuan dan wanita pertama yang menganggotai Majlis Mesyuarat kerajaan Negeri (MMKN) Tan Sri Zaleha merupakan tokoh politik UMNO Selangor yang berpengalaman memegang pelbagai jawatan di pelbagai peringkat, baik di peringkat Cawangan, Bahagian, Negeri, mahupun peringkat kebangsaan.

2. Sebagai Ahli Parlimen Gombak, Tan Sri Zaleha dikenang sebagai wakil rakyat yang mudah didekati rakyat dan sentiasa bersedia membantu. Antara rantaian jasa beliau ialah penubuhan Majlis Permuafakatan Masjid dan Surau (MAPEMS) kawasan Parlimen Gombak yang berfungsi memberi perkhidmatan kepada rakyat, terutama golongan remaja, melalui institusi masjid dan surau. Pendekatan ini berjaya mewujudkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung dengan pemimpin UMNO, di samping menyediakan wadah untuk pelbagai aktiviti yang membina. Prakarsa MAPEMS ini wajar dijadikan model bagi semua kawasan Parlimen lain.

3. Syabas dan tahniah kepada Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim dan Dr. Rokiah Talib kerana berjaya dengan cemerlang membawa pembaca menghayati personaliti yang begitu signifikan kepada negeri, negara dan gerakan wanita. Negara kita amat kekurangan di dalam penerbitan dan penulisan genre buku seumpama ini. Semoga usaha mereka diteruskan dengan lebih banyak lagi penulisan tentang tokoh-tokoh wanita, terutama anak Negeri Selangor.

Sekian Terima Kasih.

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

## Prolog

*Tan Sri Zaleha Ismail: Aspirasi dan Perjuangan* merupakan buku kelima dalam siri biografi “Wanita menulis mengenai wanita” sebagai penghargaan dan rakaman sumbangannya pemimpin wanita dalam pembangunan. Buku pertama ialah *Siti Hasmah: Citra Wanita Dua Zaman* diikuti oleh *Ibu Enjah Ibu Mithali, Tan Sri Fatimah Hashim: Potret Seorang Pemimpin* dan *Wan Mas Wan Ibrahim – Ibu Mithali Kedua*. Bertepatan dengan tajuk buku kali ini, *Tan Sri Zaleha Ismail: Aspirasi dan Perjuangan* memberi fokus kepada aspirasi dan perjuangan Zaleha Ismail dalam arena politik dan NGO. Beliau berkecimpung dalam arena politik selama 36 tahun dan dalam bidang NGO hingga sekarang, iaitu satu kerjaya politik dan NGO yang sungguh panjang lagi berwarna-warni, terutama bidang politik. Beliau menceburui dua bidang ini cara serentak, yang satu dikelek dan satu lagi dikendung. Setelah bersara dari ruang politik, Zaleha terus menabur budi dalam pelbagai badan NGO. Kesejajaran penglibatan dalam dua bidang ini dapat dicerminkan dalam cara beliau menjalankan tugas politiknya yang banyak mirip kepada cara NGO, iaitu suka berkhidmat sukarela. Tetapi penerapan sebaliknya tidak berlaku, maksudnya beliau tidak mengendalikan NGO ala politik seperti amalan rebutan kuasa dan tindas-menindas yang lumrah dalam politik.

Untuk mencari bahan bagi buku ini, penulis mendalamai selok-belok penyertaan beliau dalam kedua-dua bidang, terutama politik, sejak akhir tahun 60-an hingga beliau bersara daripada politik pada tahun 2004. Mengumpulkan, menyusun dan mengisahkan penglibatan Zaleha dalam politik dan NGO merupakan satu tugas yang sangat mencabar tetapi menyeronokkan. Hal ini demikian kerana lakaran penglibatan Zaleha dalam dua bidang ini, terutama politik, sungguh berwarna-warni. Diakui bahawa buku ini tidak dapat melengkapi semua sudut peranan dan sumbangannya kerana terlalu panjang. Cuma diharapkan pengisahan liku-liku hidup, falsafah dan sumbangannya dalam arena politik, khususnya UMNO, boleh memberi panduan kepada mereka yang sedang atau mungkin akan berkecimpung dalam dunia politik. Banyak pengajaran boleh diperoleh daripada pengalaman beliau yang begitu masak dengan asam garam perjuangan UMNO. Limitasi buku ini ialah tidak memenuhi cita rasa sains politik kerana memang tidak ditulis untuk memenuhi ruang tersebut.

Buku ini mengandungi lima bab, tiga daripadanya bersabit aspirasi dan perjuangan Zaleha dalam politik. Bab pertama bersabit zaman kanak-kanak dan persekolahan serta keluarga Zaleha. Kejayaan seseorang itu selalunya berpaksi pada keluarga. Zaleha mempunyai latar belakang keluarga yang stabil lagi penyayang. Zaleha mengakui bapanya sangat mempengaruhi hidup beliau yang sangat mengambil berat hal persekolahannya serta banyak mendedahkan

beliau kepada iklim pentadbiran pejabat sejak beliau kecil lagi. Neneknya pula mendedahkan beliau kepada hidup di kampung. Mungkin Zaleha telah tersemai dengan semangat “Malaysia Boleh” yang diwar-warkan sekarang setelah beliau kagum melihat bagaimana bapanya, yang tidak mempunyai pendidikan tinggi, masih dapat meningkat dalam pekerjaan daripada seorang peon kepada Penghulu disebabkan gigih dan bijak menjalankan tugas. Banyak nilai murni seperti, keikhlasan dan rajin bekerja yang disemai oleh ibu bapanya terus mencorakkan gaya dan amalan politik Zaleha.

Tiga bab seterusnya menghuraikan pergolakan dan pergelutan Zaleha dalam arena politik sehingga bersara sebagai menteri satu penggal di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Bab kedua dan ketiga banyak menceritakan asam garam dunia politik yang tidak mudah difahami atau diharungi oleh orang awam. Dalam kisah-kisah inilah keistimewaan Zaleha selaku tokoh politik terserlah sehingga penulis merumuskan Zaleha bukan tokoh politik biasa yang menyertai politik untuk kuasa. Beliau lebih cenderung untuk berkhidmat, sama seperti peranannya dalam NGO. Oleh itu, kekuatan beliau lebih terserlah di peringkat akar umbi, membantu dan menyelesaikan masalah rakyat yang menjadi fokus beliau. Orang politik sentiasa memikirkan kegiatan untuk mendapat *political mileage*, tetapi Zaleha memikirkan “apa lagi nak buat” untuk menolong orang, kerana beliau memang suka menolong orang yang perlukan bantuan, tidak kira masa. Maka itu, dalam banyak hal dapat dilihat bahawa Zaleha menjalankan tugasnya sesuai dalam kerangka Islam Hadhari kerana keikhlasan beliau melakukan sesuatu tanpa mengharapkan balasan. Zaleha juga benar-benar merupakan pemimpin mesra rakyat yang sentiasa mendampingi rakyat, turun ke padang tanpa musim atau kempen. Ini demikian kerana bagi Zaleha, menjadi wakil rakyat merupakan satu amanah bukan keistimewaan. Ramai tokoh politik veteran mengakui Zaleha pemimpin yang berhemah tinggi walaupun arena politik selalunya dikatakan kotor. Sepanjang pergaulan mereka dengan Zaleha, beliau tidak pernah menjatuhkan imej atau memburuk-burukkan nama kawan atau lawan dalam berkempen. Bersaranya Zaleha dengan sebuah rumah sederhana pula membuktikan beliau “bersih”. Tidak tersergam istana impian baginya walaupun berkecimpung dalam politik selama 36 tahun. Maka itu tidak keterlaluan kalau dirumuskan Zaleha bermain “politik bersih”. Tetapi oleh sebab politik moden sudah sebat dengan politik wang, dan Zaleha mengakui tidak mampu menghulurkan sumbangan, beliau cuma menjadi menteri satu penggal, itupun beliau bersyukur. Walaupun tanpa memberi sogokan Zaleha tetap beberapa tahun menduduki Majlis Tertinggi UMNO, waima menang dengan bilangan undi yang kecil. Di sinilah mungkin satu pengajaran penting bagi semua yang bergelimang dalam politik. Politik boleh bersih, jika orang politik membersihkan diri dengan menganggapnya sebagai satu amanah yang diberikan oleh rakyat bagi membantu rakyat. Dan

rakyat sendiri mestilah benar-benar mahukan politik itu bersih dengan tidak membuat tuntutan yang tidak munasabah.

Dalam bab keempat pula dibincangkan peranan dan sumbangannya beliau semasa menjadi menteri. Komentar yang diluahkan oleh beberapa bekas pegawai kanan Zaleha mengenai cara beliau menjalankan tugas sangat menarik. Zaleha memberi *empowerment* kepada mereka dan bukan menekan mereka untuk melakukan kerja untuk tujuan politik beliau. Mereka sangat seronok bekerja di bawah kepimpinan beliau. Walaupun tempoh menjadi menteri hanya satu penggal, Zaleha tetap meninggalkan beberapa kesan yang positif seperti perjuangannya untuk meningkatkan taraf wanita dan memperkenalkan atau membela beberapa undang-undang bersabit wanita dan kanak-kanak. Isu ibu tunggal mendapat perhatian berat daripada beliau dengan penubuhan persatuan dan pelbagai program. Sebagai seorang yang sangat peka tentang pentingnya keluarga, pelbagai program dilaksanakan oleh beliau melalui LPPKN dan juga Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM). Setelah bersara daripada politik dan dilantik sebagai Pengurusi LPPKN, Zaleha mendapat ruang untuk meneruskan beberapa daripada program yang dicetuskan semasa beliau menjadi menteri.

Bab kelima pula mengisahkan peranan Zaleha dalam NGO. Seperti yang dihuraikan, Zaleha menyertai NGO serentak dengan politik kerana beliau sedar betapa pentingnya peranan NGO bagi menjana *civil society*, kerana kerajaan memang tidak boleh melakukan segalanya untuk masyarakat. Sesungguhnya peranan NGO selaku sektor ketiga dalam pembangunan masyarakat tidak dapat dinafikan kepentingannya, khususnya di peringkat akar umbi. Zaleha sangat sensitif dalam hal ini sebab pendedahan beliau dalam pelbagai badan NGO di peringkat antarabangsa. Antara yang sangat banyak mendapat perhatian beliau ialah NCWO, selaku badan payung bagi persatuan-persatuan wanita seluruh negara yang sangat banyak berjasa kepada wanita. Hakikat pergerakan NCWO yang berbilang kaum mencerminkan pendirian Zaleha dalam menjalankan tugas. Juga penglibatan beliau dalam bidang kebajikan kanak-kanak dan remaja. Bagi Zaleha, apabila beliau memegang sesuatu jawatan dalam badan NGO, beliau akan memberikan sepenuh sokongan walaupun beliau sendiri bukan pakar dalam bidang tersebut, seperti dengan Persatuan Sofbal. Nawaitu Zaleha menyertai sesuatu NGO tentunya ikhlas kerana, seperti persatuan sofbal, itu bukanlah satu sukan popular seperti bola sepak yang boleh menaikkan nama beliau. Tetapi setelah memberikan sokongan sepenuh jiwa raganya, permainan sofbal mendapat tempat dalam sukan negara. Selain itu, yang sangat menarik juga ialah Zaleha berjaya menerapi ruang masjid dengan tertubuhnya MAPEMS, sehingga Menteri Besar Selangor mencadangkan MAPEMS ditubuhkan di seluruh kawasan parliment negeri Selangor.

Buku ini berakhir dengan sebuah epilog yang lebih merupakan satu rumusan dan analisa tentang perjuangan Zaleha dan setakat mana beliau mencapai atau tidak mencapai aspirasinya dalam politik. Penulis memberi sedikit huraian tentang faktor-faktor yang menghalang Zaleha mencapai visi dan misinya. Kegagalan Zaleha mencapai aspirasinya bukan kerana kelemahan beliau selaku pemimpin, tetapi lebih kepada iklim politik semasa yang tidak sesuai dengan model kepimpinan beliau. Seperti kata Tan Sri Mohamed Taib, hal demikian “Bukan kelemahan beliau (Zaleha) tetapi kelemahan orang sekelilingnya”.